

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan:

Soalan 11

- (a) Minah telah memulakan perniagaan dengan melaburkan wang tunai RM2,000, perabot RM1,200 dan sebuah komputer bernilai RM2,400. Berapakah modal perniagaan Minah?
- (b) Raju telah menjalankan perniagaannya selama dua tahun. Tetapi, beliau tidak menyimpan rekod yang lengkap.

Pada 1 Januari 2018, beliau telah menilai aset dan laibiliti perniagaannya seperti berikut:

	RM
Akaun belum bayar	1,340
Akaun belum terima	2,800
Kenderaan	24,600
Pinjaman bank	10,000
Kadarbayaran terakru	310
Inventori	4,850
Faedah terdahulu	120
Bank	2,500

Berapakah modal perniagaan Raju pada 1 Januari 2018?

- (c) Kassim telah memulakan perniagaan dengan modal tunai sebanyak RM10,000. Bagi tahun pertama perniagaan ini beroperasi, maklumat berikut telah diperoleh pada akhir tahun pertama:
- Tambahan modal tunai sepanjang tahun RM2,500
 - Pinjaman bank sebanyak RM5,000
 - Jumlah belanja dalam tahun RM28,300
 - Jumlah hasil dalam tahun RM42,500
 - Ambilan barang niaga yang terdiri daripada barang niaga RM1,200 dan wang tunai RM800.

Berapakah modal perniagaan Kassim pada akhir tahun pertama?